

Median upah bulanan bagi pekerja formal meningkat kepada RM2,864: DOSM

PUTRAJAYA: Median upah bulanan bagi 7.06 juta pekerja formal berjumlah RM2,864 pada September 2025, meningkat 4.3 peratus berbanding RM2,745 pada tahun sebelumnya, demikian menurut Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Ketiga 2025 semalam.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam kenyataan memaklumkan peningkatan upah ini seiring dengan pertumbuhan guna tenaga yang stabil, apabila bilangan pekerja formal meningkat sebanyak 3.5 peratus tahun ke tahun pada Ju-

lai, Ogos dan September tahun lalu, sekali gus menunjukkan daya tahan berterusan pasaran buruh formal sepanjang suku tahun ketiga 2025.

Menurut laporan yang dikeluarkan DOSM itu, pekerja formal lelaki meliputi 55.1 peratus atau 3.89 juta orang daripada jumlah keseluruhan pekerja formal pada September 2025, dan mereka menerima median upah bulanan lebih tinggi, iaitu RM2,900 berbanding pekerja formal perempuan sebanyak RM2,800, yang merangkumi 44.9 peratus atau 3.17 juta orang.

DOSM memaklumkan statistik upah mengikut kumpulan umur pula menunjukkan bahawa pekerja formal berusia 45 hingga 49 tahun terus mencatat median upah bulanan tertinggi sepanjang suku ketiga tahun lepas, iaitu RM3,800.

“Pertumbuhan tertinggi direkodkan dalam kalangan pekerja formal berumur bawah 20 tahun dengan median upah bulanan mencapai RM1,700 pada September 2025, meningkat 13.3 peratus berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya,” menurut kenyataan itu.

Menurut DOSM, semua

sektor ekonomi mencatat peningkatan median upah bulanan bagi ketiga-tiga bulan pada suku tahun ketiga 2025.

Walaupun hanya menyumbang 0.6 peratus jumlah guna tenaga sektor formal, sektor perlombongan dan pengkuarian mengekalkan median upah bulanan tertinggi sebanyak RM6,600 pada September, merekodkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 11.9 peratus, manakala sektor pertanian yang menyumbang 1.8 peratus daripada pekerja formal warganegara mencatat median upah bulanan terendah, iaitu RM2,245. — Bernama